

Mahathir bidas sikap MMA

LANGKAWI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) tidak sepatutnya bertindak sebagai kesatuan sekerja dengan menetapkan kadar bayaran profesionalisme dan perkhidmatan.

Menurutnya, MMA sepatutnya mengutamakan etika dan profesionalisme ahli kerana dengan cara itu profesion kedokteran akan menerima pengiktirafan dan penghormatan.

"MMA akan hilang penghormatan masyarakat jika sering menghadapi masalah dalaman dan membenarkan ia terbabit dalam politik," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 MMA di sini, malam ini.

Perdana Menteri menasihatkan MMA supaya memastikan profesion kedokteran dan pengamal perubatan mengutamakan etika serta mutu profesionalisme perkhidmatan.

"Menerusi cara itu profesion berkenaan akan mendapat pengiktirafan masyarakat dan pembuktian keunggulan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika MMA berusaha mem-

bantu meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemahiran doktor, profesion itu akan turut menerima sanjungan daripada masyarakat.

Menurutnya, bagi menggalakkan perkara itu, ahli dan pemimpin MMA mesti mengutamakan fungsi sebenar persatuan.

Beliau berkata, dalam keghairahan memberi perkhidmatan doktor perlu sentiasa memastikan ia selari dengan etika profesion mereka.

"Kepentingan pesakit adalah faktor terpenting dan perlu diutamakan bagi memastikan imej profesion perubatan terpelihara," katanya.

Katanya, doktor juga perlu mendalami ilmu perubatan dari semasa ke semasa kerana tahap yang dianggap bermutu pada hari ini, mungkin tidak lagi dianggap demikian pada masa depan.

Dalam hal ini, katanya, pertubuhan profesional perlu menggerakkan doktor dan pengamal perubatan, khususnya di sektor swasta menyertai program meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka.

Beliau juga berkata, sudah tiba masanya sektor swasta mewujudkan me-

kanisma sendiri bagi mengawasi mutu perkhidmatan dengan mencontohi program jaminan mutu yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, jika doktor lebih peka terhadap perkembangan kesihatan dan mengamalkan perkhidmatan lebih bermutu kritikan mengenai layanan doktor terhadap pesakit dapat dikurangkan.

Katanya, pelbagai aduan yang ditimbulkan terhadap layanan dan mutu perkhidmatan doktor sejak akhir-akhir ini mungkin berpunca daripada kesedaran masyarakat dan harapan mereka terhadap rawatan perubatan.

"Bagaimanapun, ia boleh dikurangkan jika doktor menyediakan rawatan lebih rapi dan meningkatkan interaksi dengan pesakit," katanya.

Mengenai taraf kesihatan rakyat, Perdana Menteri berkata, ia makin meningkat berikutan usaha kerajaan membangunkan perkhidmatan seluruh negara.

Katanya, ia dapat dilihat dengan perubahan status kesihatan daripada penyakit berjangkit yang tradisional kepada penyakit yang disebabkan oleh cara hidup moden.